

Tengkujuh berandang

Hati resah tinggal rumah

>>Oleh Nurul Ekhwan Haque
Fazlul Haque

ekhwan@hmetro.com.my

SHAH ALAM: “Bila dapat tahu jumlah mangsa banjir di Selangor semakin meningkat, saya ambil langkah berjaga-jaga jika banjir melanda kawasan kediaman saya pula.

“Semua barang berharga saya letak di kawasan tinggi manakala almari pakaian dan barang di rumah saya tinggikan menggunakan batu-bata agar tidak tenggelam apabila banjir berlaku,” kata Rofeah Razali.

Rofeah, 67, yang sudah 38 tahun menetap di Kampung Johan Setia, Jalan Kebun, di sini, berkata, kejadian banjir di kawasan rumahnya mudah berlaku cukup dengan

hujan lebat selama sejam.

Menurutnya, disebabkan itu, dia bimbang meninggalkan rumahnya untuk tempoh masa lama kerana kejadian banjir mungkin berlaku bila-bila masa saja.

Katanya, bagi mengelak berlakunya kerosakan harta benda terutama barangan elektrik dia menempatkan barangan berkenaan di tempat lebih tinggi.

“Saya bimbang kawasan rumah terlalu mudah dinaiki air dan ada kalanya air boleh masuk ke dalam rumah menyebabkan almari dan perabot rosak.

“Lima tahun lalu saya ada membeli pasir untuk ditambak di kawasan longkang berhampiran, namun semakin hari, tembok pasir berkenaan tidak mampu meng-

halang air banjir masuk ke kawasan rumah,” katanya.

Katanya, dia bimbang sekiranya masalah banjir tidak diselesaikan dalam masa terdekat kerana banjir yang berlaku semakin hari semakin membimbangkan.

Katanya, banjir dijangka berlaku dibimbangi menyebabkan dia menanggung kerugian berikutan tidak dapat menyelamatkan harta benda.

“Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak mengambil langkah segera bagi menangani masalah banjir dari terus berlaku pada masa akan datang.

“Saya bimbang banjir memberi kesan jangka panjang yang menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk kampung,” katanya.



ALAS...Rofeah meletakkan batu bata di kaki katil sebagai persediaan menghadapi banjir.

Sementara itu, jurucakap bilik gerakan banjir Majlis Keselamatan Negara (Selangor) berkata, setakat jam 6 petang semalam terdapat 1,311 mangsa banjir ditempatkan tujuh pusat pemindahan di Kuala Langat, Sepang dan Kuala Selangor.

Menurut jurucakap berkenaan, kawasan banjir yang terjejas adalah di Dengkil berikutan paras air banjir tidak menunjukkan penurunan ketara kerana pengaliran air keluar tidak dapat berlaku kerana kawasan terjejas berada di kawasan rendah.